

Pengurusan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan Universiti Malaysia Perlis



Pengenalan

Kesihatan dan keselamatan pekerjaan merupakan satu bidang yang bertujuan melindungi kesihatan, keselamatan dan kebajikan pekerja. Keselamatan tempat kerja merupakan suatu aspek penting di dalam sesebuah organisasi syarikat. Ia merupakan salah satu tanggungjawab majikan di bawah Akta Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan 1994 Malaysia untuk mengambil berat tentang kesihatan dan keselamatan para pekerja ketika bekerja di dalam sesebuah syarikat. Akta ini dikawalselia oleh Jabatan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan dari Kementerian Sumber Manusia.

Akta Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan 1994 dirangka berdasarkan enam prinsip iaitu:

Pemcegahan kemalangan adalah sebahagian daripada aspek penting pengurusan dan kemahiran yang baik

Pihak pengurusan dan pekerja mestilah bekerjasama dalam memastikan tempat kerja bebas daripada sebarang kemalangan

Penglibatan pihak atasan adalah diutamakan dalam memimpin perlaksanaan keselamatan di tempat kerja

Dasar keselamatan dan kesihatan pekerjaan hendaklah dirangka dan diketahui oleh semua pekerja di tempat kerja

Organisasi dan sumber yang perlu hendaklah dibangun dan disediakan bagi menyokong ke arah kesihatan dan keselamatan pekerjaan

Pengetahuan dan kaedah tersedia yang terbaik digunakan

Keenam-enam prinsip tadi merupakan asas dalam pembinaan dan perangkaan Akta Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan 1994.

Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan UniMAP

Pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan UniMAP telah diasaskan melalui dasar keselamatan dan kesihatan pekerjaan UniMAP. Dasar ini telah dibangunkan melalui keperluan yang telah termaktub dibawah Akta Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan 1994.

Dalam Seksyen 16 Akta Keselamatan & Kesihatan pekerjaan telah menggariskan beberapa perkara penting yang perlu dilaksanakan oleh majikan dan staf antaranya termasuklah :

- Menyediakan satu penyataan bertulis dasar am keselamatan & kesihatan pekerjaan.
- Menubuhkan organisasi bagi menjayakan dasar.
- Memaklumkan kepada semua pekerja

Dasar ini telah dibangunkan dan ditandatangani oleh Naib Canselor UniMAP pada tahun 2004 dan telah dikemaskini mengikut keperluan semasa. Kemaskini terakhir adalah pada Oktober 2009.

Skop Perlaksanaan

Dasar keselamatan & kesihatan pekerjaan ini terpakai diseluruh Universiti Malaysia Perlis.

Tugas dan Tanggungjawab

Setiap pekerja dan pelajar perlu memahami bahawa mereka juga terlibat dalam menjayakan dasar yang telah dibangunkan ini.

a. Pengurusan Universiti

Pihak Pengurusan universiti perlu memastikan keselamatan dan kesihatan kepada semua pekerja , pelajar dan pelawat. Antara tugas yang perlu dilaksanakan adalah :

- i. Menyediakan dan menyelenggara tempat kerja dan sistem kerja yang selamat dan tanpa risiko terhadap kesihatan
- ii. Menyediakan maklumat, arahan, latihan dan penyeliaan bagi memastikan keselamatan dan kesihatan pekerja, pelajar dan pelawat semasa berada didalam universiti.
- iii. Menyedia dan menyelenggara persekitaran yang selamat dan tidak berisiko.



b. Ketua Jabatan

Semua ketua jabatan bertanggung jawab dalam memantau keselamatan dan kesihatan pekerja dan pelajar di Jabatan masing-masing dengan :

- a. Membantu universiti memastikan persekitaran kerja yang selamat.
- b. melaksanakan langkah-langkah pencegahan dari sebarang kejadian yang tidak diingini melalui latihan, kempen dan sebagainya.
- c. menyediakan peralatan perlindungan untuk pekerja dan pelajar.
- d. Memastikan tempat kerja dalam keadaan selamat dan mengikut prosedur kerja selamat.

POLISI KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

UniMAP berlitizam dalam memastikan dan mewujudkan suasana kerja yang selesa dan selamat untuk semua staf, pelajar dan pelawat yang berkunjung dan berurus dengan UniMAP. UniMAP berhasrat untuk mencapai matlamat ini dengan mempraktikkan amalan membudayakan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja mengikut Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 dan akta-akta lain yang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan. UniMAP juga akan mengambil tindakan tertentu untuk mengurangkan kerugian dan kerosakan harta benda serta mengelak dari berlakunya kemalangan dan kecederaan mahupun penyakit hasil dari pekerjaan kepada para pekerja dan pelajar serta pelawat.

Polisi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan ini hendaklah dipatuhi dan diamalkan oleh semua Ketua Jabatan, Dekan, Pengarah, Penyelaras Unit serta seluruh warga UniMAP. Seterusnya, semua lapisan pentadbiran di atas hendaklah merancang matlamat, sasaran dan pelan tindakan aktiviti-aktiviti keselamatan dan kesihatan pekerjaan untuk mencapai tahap pengamalan sepenuhnya budaya kerja selamat.

UniMAP juga akan sentiasa melaksanakan kajian semula ke atas polisi, latihan dan program dari semasa ke semasa sebagai sebahagian daripada proses peningkatan keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang berterusan. UniMAP juga memperakui pentingnya diadakan rundingan dan kerjasama di antara pekerja dan majikan. Ini bertujuan untuk mewujudkan suasana yang harmoni untuk menghasilkan satu kaedah yang praktikal terhadap aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja. Aspek ini penting kerana pekerja lebih mengetahui selok-belok pekerjaan yang mereka lakukan.

Pelaksanaan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja bergantung sepenuhnya kepada kesediaan serta komitmen semua staf dan pelajar UniMAP serta mana-mana pihak yang berurus dengan UniMAP untuk mematuhi polisi ini pada setiap masa.



UniMAP

Brig.Jen.Dato'Prof. Dr. Kamarudin Hussin
Naib Canselor
Universiti Malaysia Perlis
2 November 2009



UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
www.unimap.edu.my/osh

c. Pekerja

Semua pekerja perlu memastikan keselamatan dan kesihatan diri dan orang lain dalam melaksanakan kerja. Tanggungjawab mereka termasuklah:

- a. Bekerjasama dengan pengurusan universiti melalui pematuhan kepada Akta dan peraturan yang berkaitan.
- b. Menggunakan PPE yang telah disediakan
- c. Jika terdapat kemalangan mereka perlu melaporkan Jawatankuasa Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan Universiti

d. Pelajar/Pelawat

Semua pelajar/pelawat bertanggungjawab dalam memastikan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dengan :

- a. Mematuhi arahan dan peraturan yang telah digariskan
- b. Menggunakan PPE yang telah disediakan.
- c. Tidak menyalahguna peralatan dan peraturan yang disediakan



Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan UniMAP

Jawatankuasa ini kini dipengerusi oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) dan ianya berfungsi untuk :

- a. Menasihati Naib Canselor dalam keselamatan dan kesihatan pekerjaan.
- b. Membangunkan sistem pengurusan keselamatan & kesihatan pekerjaan dan sistem kerja selamat.
- c. Mengkaji keberkesanan program KKP yang dijalankan
- d. Mengkaji semula dasar keselamatan & kesihatan dan membuat cadangan kepada pengurusan universiti.
- e. Mengkaji mengenai kejadian berbahaya yang telah berlaku dan melaporkan kepada pengurusan universiti dengan cadangan penambahan bantuan.
- f. Memantau prestasi keselamatan dan kesihatan pekerjaan di semua jabatan/pusat tanggung-jawab.
- f. Membuat keputusan mengenai keselamatan dan kesihatan pekerjaan di UniMAP.

Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan

Jawatankuasa ini akan bermesyuarat setiap 3 bulan sekali. Isu yang akan dibincangkan akan meliputi semua aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan dari segi perancangan, perlaksanaan dan pemantauan diseluruh universiti

Disediakan Oleh:

Norazam Abdul Rashid
Pegawai Sains
Unit Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan
Universiti Malaysia Perlis

tel : 04-979 8411 faks: 04-979 8351
emel : norazam@unimap.edu.my